

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31 DECEMBER 2016

Banyak pembangunan infrastruktur memangkinkan ekonomi negara.

# Jangan jadi katak bawah tempurung - PM

um - 31/12/2016

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
pengarang@utusan.com.my

## ■ KUALA LUMPUR 30 DIS.

**P**ERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, pelbagai pembangunan yang mencipta beratus ribu peluang pekerjaan telah dilaksanakan sepanjang tujuh tahun negara di bawah pentadbiran beliau.

Menurutnya, banyak pembangunan infrastruktur telah dijalankan dalam tempoh tersebut sekali gus memangkinkan ekonomi negara secara berterusan.

Beliau menjelaskan, antara projek pemangkin ekonomi berlandaskan pembangunan secara besar-besaran seperti projek Transit Aliran Massa (MRT), Lebuhraya Pantai Timur 3, Lebuhraya Pan Borneo, Transit Aliran Ringan (LRT) 2 dan 3 serta Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah amat penting bagi menjana ekonomi di kawasan sekitar dan merapatkan jurang antara kawasan pedalaman dan bandar.

Selain itu kata beliau, kerajaan juga membangunkan projek pemangkin ekonomi yang menjadi mercu tanda negara seperti pembangunan Wilayah Iskandar, Rapid Pengerang, Danga Waterfront, Tun Razak Exchange, Bandar Malaysia dan KL118 iaitu bangunan tertinggi di negara ini.

## ERA MRT BERMULA

Jadi tulang belakang pengangkutan awam Lembah Klang

➤ Sistem pengangkutan awam negara memasuki era baharu.

➤ Fasa pertama perkhidmatan MRT di Buloh-Kajang semalam.

➤ Dilaksanakan dengan kos RM21 bilion, jimat RM2 bilion berbanding kos sasaran.

➤ Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak umum tambang percuma selama sebulan mulai hari ini.

KERATAN  
Utusan  
Malaysia  
16 Disember  
2016.

PENUH DI MUKA 3 & 5



“Sudah tujuh tahun tampuk kepimpinan negara bertukar tangan, namun ada pihak khususnya pembangkang sering memperkatakan mereka tidak nampak pembangunan yang diusahakan kerajaan hari ini dan membandingkan saya dengan kepimpinan lama.

“Hujah yang dilontarkan mereka tidak lebih daripada kata-kata kosong dan saya berasakan bahawa mereka sengaja buat-buat tidak nampak. (Sedangkan) pentadbiran saya telah menjalankan pelbagai pembangunan yang mencipta beratus ribu peluang pekerjaan,” katanya dalam blog beliau, *najibrazak.com*, hari ini.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, beliau amat hairan

apabila ada pihak yang membangkitkan bahawa bangunan-bangunan seperti Tun Razak Exchange dan KL118, tidak ada satu tiang pun dibina.

Justeru, beliau menyarankan supaya pihak berkenaan untuk pergi melihat sendiri tapak pembinaan tersebut sebelum melontarkan tuduhan yang boleh memalukan diri.

“Di peringkat antarabangsa pula, Malaysia berperanan membangunkan projek seperti pembangunan Battersea, sebuah lagi mercu tanda ikonik di kota London. Lihatlah sendiri di internet projek yang mengharumkan nama negara ini.

“Kepada pembangkang, janganlah bersikap seperti katak di bawah tempurung,” katanya.

Waktu Solat		MBSB				
SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
<b>KUALA LUMPUR</b> dan kawasan sekitarnya dengannya						
5.57	7.17	1.19	4.42	7.15	8.30	
<b>PULAU PINANG</b> dan kawasan sekitarnya dengannya						
6.06	7.26	1.24	4.46	7.18	8.32	
<b>KUANTAN</b> dan kawasan sekitarnya dengannya						
5.51	7.13	1.14	4.37	7.11	8.26	
<b>JOHOR BAHRU</b> dan kawasan sekitarnya dengannya						
5.45	7.08	1.11	4.34	7.10	8.25	
<b>KUCHING</b> dan kawasan sekitarnya dengannya						
5.21	6.43	12.46	4.09	6.45	8.00	